

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING  
(PENAMPANG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [ PENAMPANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jumlah kutipan "GST" yang telah dipungut oleh Kerajaan Persekutuan dari Sabah bermula dari 1 April 2015 hingga ke Disember 2017 dan jika kutipan GST ini juga disenaraikan sebagai pulangan 2/5 dalam "Special Grant" kepada Sabah sepertimana termaktub dalam Bahagian 10 Perlembagaan / Artikel 112C / Artikel 112D Persekutuan Malaysia.

**JAWAPAN**

Untuk makluman YB Penampang dan Dewan Yang Mulia ini, Jumlah kutipan GST yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan di Negeri Sabah mulai 1 April 2015 hingga 31 Disember 2017 adalah berjumlah RM5,244 juta iaitu sebanyak RM1,136 juta (2015), RM1,936 juta (2016) dan RM2,172 juta (2017).

111

GST merupakan salah satu sumber hasil Kerajaan yang diakaunkan dalam Kumpulan Wang Disatukan yang mana merupakan dana yang digunakan untuk membiayai belanja mengurus dan pembangunan Kerajaan Persekutuan seperti yang dibentang dalam Bajet setiap tahun. Perbelanjaan ini juga termasuk membiayai pemberian kepada negeri-negeri, membiayai kos pengurusan Persekutuan di negeri-negeri serta projek pembangunan di seluruh negara. Oleh itu, tiada rancangan untuk menyerahkan kutipan hasil GST ini secara terus kepada negeri-negeri.

Pemberian Khas Sabah berkuat kuasa ketika ini adalah berjumlah RM26.7 juta setahun selaras dengan Perintah Pemberian Khas Sabah (Ulangkaji Pertama) 1970 [P.U.(A) 328/1970] bertarikh 18 Ogos 1970. Pada ketika ini, rundingan untuk mengkaji semula pemberian khas di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah sedang berjalan. Kadar pemberian baru akan dikuatkuasakan setelah rundingan dimuktamadkan dan diwartakan.